

17 OCT 1998

Zaleha-Direktori

DIREKTORI KHAS MENGENAI KANAK-KANAK DIPERKENAL

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan hari ini memperkenalkan direktori khas, bagi memudahkan orang ramai mengetahui maklumat mengenai kanak-kanak di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail berkata, direktori itu merupakan sumber maklumat yang dapat membantu masyarakat mengetahui pelbagai aspek berkaitan kanak-kanak.

"Saya berharap direktori ini dapat digunakan oleh semua pihak, dan maklumat yang terkandung di dalamnya akan dikemas-kinikan dari semasa ke semasa," katanya pada persidangan media selepas menghadiri sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Ke-45, di sini hari ini.

Katanya, orang ramai yang ingin mendapat maklumat lanjut dan mengenai kanak-kanak di seluruh negara boleh menghubungi pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Hari Kanak-Kanak Sedunia yang bertemakan "Keluarga Bahagia: Tonggak Kesejahteraan Kanak-Kanak" dirasmikan oleh Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Zaleha berkata masyarakat setempat perlu berganding bahu membantu kanak-kanak supaya mereka dapat membesar sebagaimana yang dihasratkan oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak, yang telah ditandatangani Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Julai 1991.

"Saya rasa bangga kerana kita telah dapat memenuhi sebahagian besar isu berkaitan kehidupan, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak, walaupun masih ada masalah berkaitan penderaan, penyalahgunaan, dan masalah juvana," katanya.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis hari kanak-kanak itu, Zaleha berkata, tujuan utama sambutan itu adalah bagi memberi penghargaan, pengiktirafan dan pengertian baru kepada kanak-kanak, sebagai aset penting kepada masa depan negara.

Katanya, kira-kira 45 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia adalah kanak-kanak dan remaja, yang berumur 18 tahun ke bawah, dan penting bagi kita memenuhi keperluan mereka bagi menjayakan Wawasan 2020.

Pada majlis itu Muhamad Ashraf Zulkifly dari Pahang dan Noor Shamila Shanaz Noor Sham dari Kelantan diumumkan sebagai pemenang Anugerah Tunas Jaya Kebangsaan 1998.

-- BEERNAMA

APG RI